



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PELANTIKAN PUAN MARHAYANI BINTI MD SAAD KETUA PENGARAH JABATAN KIMIA MALAYSIA YANG BAHARU

PETALING JAYA, 25 Jun 2024 – YBr. Puan Marhayani binti Md Saad dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA Malaysia), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang baharu berkuat kuasa 25 Jun 2024 menggantikan YBr. Puan Halimah binti Abdul Rahim yang bersara wajib pada 1 Jun 2024 yang lalu.

YBr. Puan Marhayani binti Md Saad, 55 tahun telah memulakan perkhidmatan beliau sebagai penjawat awam pada 1 September 1993. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia) dari Humboldt State University, California, Amerika Syarikat. Beliau yang dilahirkan di Negeri Kedah sebelum ini pernah menyandang tugas sebagai Pengarah KIMIA Kedah dan Pengarah Kanan Pusat Analisis Industri dan Tarif Kastam sebelum dilantik menjadi Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) KIMIA Malaysia pada 15 November 2023.

Berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran dan mempunyai kepakaran luas dalam bidang forensik, kesihatan dan alam sekitar, halal serta keselamatan Kimia. Beliau juga sebelum ini bertanggungjawab mengetuai projek Pengukuhan Perkhidmatan Makmal Melalui Pengwujudan Kemudahan Makmal Bergerak (*Mobile Lab*) dan Pasukan Tindakan Bencana Kimia Jabatan Kimia Malaysia. Melalui projek ini, kesiapsiagaan KIMIA Malaysia khususnya dan negara amnya dapat dipertingkatkan terutamanya dalam menangani bencana dan ancaman pengganas yang melibatkan bahan kimia

Semoga dengan kepakaran dan pengalaman luas beliau ini akan terus memacu kecemerlangan dan memberi suntikan baharu buat KIMIA Malaysia yang telah memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam bidang saintifik kepada negara selama 115 tahun.

- TAMAT -

**Dikeluarkan oleh:
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
25 Jun 2024**